

UM

10/6/2008 m.s 2

Manipulasi agama punca Konflik Islam - Barat

KUALA LUMPUR 9 Jun -Konflik antara dunia Islam dan negara Barat bukan berpunca daripada kepercayaan agama yang berbeza tetapi kerana manipulasi terhadap agama oleh pihak yangberfikiran sempit atau sekular,kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Perdana Menteri menegaskan, tindakan golongan tersebut menyebabkan wujudnya konflik yang membawa kepada pemisahan antara dunia Islam dan Barat.

"Oleh itu jika kita memperbetulkan perasaan, sikap dan persepsi terhadap satu sama lain, jurang tersebut boleh dikurangkan walaupun mungkin tidak sepenuhnya," ujarnya.

Abdullah berkata demikian ketika menyampaikan ucapnama pada Persidangan Antarabangsa Ketiga Dunia Islam dan Barat di sini hari ini.

Persidangan itu dianjurkan oleh Kementerian Luar, Institut Diplomasi dan Hubungan Antarabangsa dan Inisiatif Cordoba iaitu kumpulan intelek Islam dan bukan Islam.

Perdana Menteri mengakui tindakan segelintir penganut daripada kedua-dua agama yang taksub terhadap kepercayaan mereka turut menyumbang terhadap jurang pemisahan itu.

Abdullah memberi contoh, sebaik sahaja kejatuhan kerajaan komunis Soviet pada tahun 1989, sesetengah pemikir Barat beranggapan Islam akan menjadi musuh mereka pula selepas itu.

Keadaan itu, katanya, mewujudkan sikap negatif Barat terhadap umat Islam di seluruh dunia.

"Islam juga telah dilihat sebagai menentang pemodenan sekali gus menentang Barat. Ini tidak betul sama sekali kerana Islam sebagai agama dan cara hidup tidak pernah menentang kemajuan dan pemodenan," katanya.

Malah, katanya, Islam menyeru umatnya agar menuntut ilmu yang menjadi kunci terhadap kemajuan dan pembangunan sama ada duniawi atau rohani.

Dalam pada itu, Perdana Menteri berkata, dunia Islam dan Barat perlu berusaha mendapatkan semula kepercayaan, penghormatan, persefahaman dan kerjasama yang amat penting terhadap keamanan dan keselamatan dunia.

"Untuk terus bergerak ke hadapan, kedua-dua pihak perlu mendengar dengan fikiran dan hati yang terbuka.

"Kita mesti berdiri bersama dengan komitmen penuhjiu untuk mewujudkan budaya toleransi danharmoni bagi menggalakkan kesejahteraan manusia tanpa mengira perbezaan atau kelainan yang wujud antara kita sebagai sebuah masyarakat,"katanya

Menurutnya, Islam menghormati kepelbagaian agama dan budaya serta mengiktiraf kewujudan agama lain.

Persidangan bertemakan 'Merapatkan Jurang Dunia Islam dan Barat' itu turut dihadiri Setiausaha Agung Pertubuhan Persidangan Islam (Ole), Dr. Ekmeleddin Ihsanoglu, Pengerusi Pusat Penyelidikan dan Pengajian Islam Raja Faisal, Putera Turki Al-Faisal dan bekas Perdana Menteri Pakistan, Shaukat Aziz.

Pemodenan